

07 SEP 2002

Pengantin-Mahathir (Bergambar)

PENGANTIN GEMBIRA DR MAHATHIR HADIRI MAJLISNYA

CYBERJAYA, 7 Sept (Bernama) -- Impian Natalya Rudina Shamsuar supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghadiri majlis perkahwinannya termakbul hari ini.

Selama sebulan, beliau membawa kad jemputan khas sebelum berpeluang menyerahkannya kepada isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali pada 26 Ogos lalu.

Usaha Natalya itu tidak sia-sia, Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah hari ini meluangkan masa lebih sejam khusus untuk menyaksikan upacara pernikahannya dengan pilihan hati Yuhanis Abdul Latif yang berlangsung di sebuah hotel di sini.

Pensyarah dalam bidang teknologi maklumat di Universiti Multimedia, Natalya, 26, berkata kehadiran pemimpin negara itu adalah suatu hadiah yang tidak ternilai sempena perkahwinannya.

"Saya begitu gembira. Beliau adalah idola saya sejak di bangku sekolah lagi," katanya kepada pemberita selepas majlis itu.

Natalya berkata seluruh keluarganya berasa kagum kerana Dr Mahathir sudi menghadiri majlis itu walaupun langsung tidak mengenali pengantin mahupun keluarga mereka.

"Keluarga kami kagum sebab Perdana Menteri beri jawapan dua hari selepas saya serahkan kad jemputan itu kepada Datin Seri.

"Ini menunjukkan beliau ambil berat akan jemputan itu walaupun dia tidak kenal saya dan saya bagi jemputan itu atas dasar sebagai rakyat Malaysia," katanya.

Ditanya mengenai pandangannya terhadap Perdana Menteri setelah bertemu secara dekat, Natalya berkata: "Dia segalanya seperti yang saya bayangkan, seorang yang baik dan pemimpin besar."

Pasangan itu dinikahkan oleh bapa Natalya, Shamsuar Mahmud, seorang kontraktor dari Kuantan, Pahang.

Majlis pernikahan kedua mempelai itu juga menarik kerana Yuhanis, 26, hanya diminta oleh ibu bapa Natalya agar membacakan surah Al-Fatihah selepas upacara akad nikah, sebagai ganti wang hantaran.

-- BERNAMA

NM AFY MOZ